



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA
Bil. 48 / 2022

URUSAN PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15)
BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017
PADANG SERAI DAN DEWAN NEGERI N.42 TIOMAN,
PAHANG

1. Hari ini telah dijalankan urusan penamaan calon bagi PRU Ke-15 Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai dan Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang **bermula pukul 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi.**
2. Sejurus tamatnya tempoh penamaan calon pada jam 10.00 pagi, hanya **satu (1) kertas penamaan baharu** telah dikemukakan oleh calon yang mewakili **Pakatan Harapan (PH)** yang akan bertanding dalam PRU Ke-15 Bahagian Pilihan Raya Parlimen **P.017 Padang Serai**. Manakala bagi **Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** juga **satu (1) kertas penamaan baharu** calon yang mewakili Perikatan Nasional (PN) dikemukakan. Senarai nama calon mengikut cabutan undi seperti berikut:

PARLIMEN P.017 PADANG SERAI

| BIL | NAMA CALON | PARTI |
|------------|-----------------------------|-------------------------------------|
| 1 | Dato' Cikgu Azman | Perikatan Nasional (PN) |
| 2 | Dato' Sivaraj Chandran | Barisan Nasional (BN) |
| 3 | Hamzah Abd Rahman | Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG) |
| 4 | Dr. Sofee Razak | Pakatan Harapan (PH) |
| 5 | Ananda AK | BEBAS |
| 6 | Mohd Bakhri bin Haji Hashim | Parti Warisan Sabah (WARISAN) |

DEWAN NEGERI N.42 TIOMAN, PAHANG

| BIL | NAMA CALON | PARTI |
|------------|----------------------------|-------------------------------------|
| 1 | Idayu Hashim | Perikatan Nasional (PN) |
| 2 | Cikgu Osman Bakar | Parti Pejuang Tanahair (PEJUANG) |
| 3 | Mohd Fadzli bin Mohd Ramly | Pakatan Harapan (PH) |
| 4 | Dato' Sri Haji Mohd Johari | Barisan Nasional (BN) |
| 5 | Sulaiman bin Bakar | BEBAS |

5. **Tempoh berkempen bermula** selepas pengisytiharan pilihan raya dipertandingkan oleh Pegawai Pengurus sehingga jam **11.59 malam, 6 Disember 2022 (Selasa)**.
6. SPR telah menubuhkan sebanyak **dua (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** masing-masing di Bahagian Pilihan Raya. Parlimen P.017 Padang Serai dan Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang untuk memantau semua aktiviti calon-calon yang bertanding ketika berkempen.
7. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, adalah juga tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan bahan kempen pilihan raya** yang mengandungi **gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti gabungan / komponen secara bersama atau berasingan** yang diwakilinya .
8. Bahan kempen yang mengandungi perkataan-perkataan yang boleh **mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau berunsur perkauman dan menyentuh sensitiviti keagamaan atau hasutan yang boleh mendatangkan permusuhan** adalah **tidak dibenarkan**.
9. SPR berharap agar aktiviti berkempen berjalan dalam suasana yang penuh harmoni serta mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan.
10. SPR juga menyarankan semua yang terlibat dan hadir pada aktiviti berkempen, hari undi awal, hari mengundi serta semua urusan pilihan

raya untuk memakai pelitup separuh muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa mensanitasi tangan.

11. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan lancar pada hari ini.

12. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Pejabat-
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Insolvensi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 November 2022 / 29 Rabiulakhir 1444H